



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA
24 SEPTEMBER 2024

Gaji premium lepasan TVET hingga RM4,000

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) bersetuju menetapkan gaji premium permulaan kepada lepasan bidang itu antara RM2,500 hingga RM4,000.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, penetapan kadar gaji itu melebihi daripada pendapatan minimum RM1,500 diwajibkan kerajaan ketika ini.

Menurut beliau, ketetapan dibuat itu adalah bagi menarik lebih ramai lepasan TVET untuk bekerja di sektor berkaitan.

“Saya ingin menggalas bahan ini bukan ikut persatuan majikan, persatuan kilang atau sebagainya, ini adalah antara institusi TVET dengan pihak syarikat itu sendiri.

“Setakat ini, kita sudah mengadakan memorandum perjanjian dengan majikan yang mana gaji premium dipersetujui melebihi gaji minimum ditetapkan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA),” kata beliau selepas mempengaruhkan MTVET dan Sesi Libat Urus 66 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta Syarikat Swasta bersama 12 kementerian TVET di sini semalam.

Ahmad Zahid berkata, sebagaimana satu tambah nilai kepada



AHMAD Zahid Hamidi menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman antara Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dengan Khazanah Nasional di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

para peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang akan diperkenalkan semula kerajaan, elemen TVET akan diterapkan dalam modul PLKN sebagai satu pendekatan menyebar luas potensi dan bidang kerjaya berteraskan TVET kepada para peserta.

Selain itu, katanya, institusi TVET yang memenuhi kriteria keperluan PLKN turut dicadang untuk melaksanakan modul PLKN dengan melibatkan para pelajar institusi tersebut seba-

gai para peserta.

“Kita ambil keputusan bahawa kursus itu bukan dibuat secara mendalam, tetapi lebih kepada ‘DIY’ seperti pembelian paip, pendingin hawa dan peralatan elektronik lain

“Ini dipersetujui pada dasarnya dan akan diperincikan oleh sebuah jawatankuasa kecil,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, negara masih kekurangan 26,000 tenaga kerja mahir dalam bidang keselamatan si-

ber yang menjadi keperluan industri selain untuk menangani cabaran keselamatan masa kini.

Oleh itu, kata beliau, kerajaan bersatu mewujudkan sebuah Akademi Keselamatan Siber untuk menawarkan kursus-kursus berdasarkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) berkaitan bidang itu.

Beliau yang juga Penggerusi Jawatankuasa Majlis TVET negara berkata, pengambilan pelajar akademi itu akan dilaksanakan bagi kemasukan Januari tahun depan selepas perbincangan bersama Kementerian Digital untuk menyegerakan penyediaan kursus-kursus berkaitan di bawah penyelaras CyberSecurity Malaysia.

“Kursus-kursus hendaklah disegerakan kerana keperluannya amat mendesak dalam kalangan syarikat-syarikat semikonduktor dan syarikat-syarikat berdasarkan elektronik.

“Jadi penubuhan akademi ini amat penting walaupun banyak universiti menawarkan kursus yang sama dari segi akreditasi, tetapi akademi ini adalah sebuah badan yang menyelaraskan bentuk kursus yang diadakan.

“Ini merupakan kursus TVET bernilai tinggi dan ini sangat diperlukan kerana terdapat kekosongan lebih 26,000 dalam bidang keselamatan siber,” katanya.

Gaji premium lepasan TVET ditetap bermula RM2,500

Kadar diputuskan atas persetujuan terus dengan pihak syarikat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) bersestuu menetapkan gaji premium kepada lepasan bidang itu pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kadar gaji itu melebihi pendapatan minimum RM1,500 yang ditetapkan kerajaan ketika ini.

Jelasnya, ketetapan dibuat itu bagi menarik lebih ramai lepasan TVET bekerja dalam sektor berkaitan.

“Saya ingin menjelaskan ini bukan ikut persatuan majikan, persatuan kilang atau sebagainya, ini adalah antara institusi TVET dengan pihak syarikat itu sendiri.

“Setakat ini, kita sudah mengadakan memorandum perjanjian (MoA) dengan majikan yang mana gaji premium dipersejua melebihi gaji minimum ditetapkan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA),” katanya.

Beliau berkata demikian pada



Ahmad Zahid mempengerusikan MTVET dan Sesi Libat Urus 66 Syarikat Berkaitan Kerajaan serta Syarikat Swasta bersama 12 kementerian TVET di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

sidang media selepas mempengerusikan MTVET dan Sesi Libat Urus 66 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta Syarikat Swasta bersama 12 kementerian TVET di sini, semalam.

Iktiraf lepasan SKM

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, MTVET memutuskan supaya Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) mengiktiraf lepasan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 6, 7 dan 8.

“Apa yang diputuskan bahawa mereka yang mempunyai (bermula) SKM tahap 5 boleh memohon masuk ke universiti tanpa SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

“Ada lima universiti akan menerima mereka masuk ke tahun

pertama, iaitu UniKL, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis,” katanya.

Jelasnya, ia adalah permulaan di mana kursus TVET aras tinggi akan ditawarkan kepada pelajar yang memohon masuk ke universiti berkenaan.

“Begini juga untuk pelajar yang menamatkan penghafazan 30 juzuk di maahad tahliz, kita juga tawarkan untuk mereka masuk ke universiti.

“Selain sijil dikeluarkan oleh JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), MTVET menawarkan mana-mana lepasan maahad tahliz yang mengikuti SKM tahap 3,4 dan 5, jika mereka

ka berminat nak masuk universiti, maka golongan huffaz juga ditawarkan masuk ke universiti,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, Akademi Keselamatan Siber Malaysia akan ditubuhkan bagi menampung keperluan kesosongan 26,000 tenaga kerja mahir dalam bidang berkenaan.

Katanya, akademi terbabit akan menawarkan kursus berdasarkan TVET di bawah penyebarluasan CyberSecurity Malaysia (CSM).

Pengambilan pelajar akademi itu akan dilaksanakan bagi kemasukan Januari 2025 selepas perbincangan bersama Kementerian Digital untuk menyegearkan penyediaan kursus berkenaan.

Gaji premium graduan TVET hingga RM4,000

Penetapan kadar upah itu merupakan persetujuan terus bersama syarikat

PUTRAJAYA

Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) pada Isnin bersetuju menetapkan gaji premium kepada lepasan TVET pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, penetapan kadar gaji itu melebihi pendapatan minimum RM1,500 yang ditetapkan kerajaan ketika ini serta bertujuan menarik lebih ramai lepasan TVET untuk bekerja di sektor berkaitan.

"Kita telah mengadakan memorandum perjanjian (MoA) dengan majikan (syarikat berkaitan kerajaan dan swasta) yang mana gaji premium diper-setujui melebihi gaji minimum ditetapkan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Ini akan lebih menarik lepasan TVET untuk bekerja di sektor-sektor tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat MTVET

dan Sesi Libat Urus 66 syarikat berkaitan kerajaan serta swasta bersama 12 kementerian TVET di sini pada Isnin.

Antara tiga syarikat yang menandatangani MoA itu termasuk Cypark Sdn Bhd, Penang Port Sdn Bhd dan Khazanah Nasional Bhd.

Ahmad Zahid yang juga Penggerusi Majlis TVET Negara berkata, penetapan kadar itu bukan mengikut persatuan majikan, persatuan kilang atau sebagainya sebaliknya antara institusi TVET dengan pihak syarikat yang ber-setuju dengan gaji premium berkenaan.

Beliau berkata, MTVET juga ber-setuju agar Lembaga Teknologis Malaysia (MBoT) mengiktiraf lepasan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap enam hingga lapan setaraf ijazah sarjana muda kelas pertama dan lepasan SKM tahap lapan mendapat gelaran Teknologi Profesional (Ts) sebagai penambahbaikan ekosistem pendidikan TVET negara.

Selain itu, kelulusan SKM tahap satu dan dua diangkat menjadi setaraf Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala SKM tahap tiga hingga lima setaraf diploma.

Ahmad Zahid berkata, individu yang mempunyai SKM lima boleh memohon untuk memasuki universiti tanpa SPM



AHMAD ZAHID

dan antara universiti terlibat ialah Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis.

Sementara itu, Ahmad Zahid memaklumkan Akademi Keselamatan Siber akan ditubuh bagi menampung lebih 26,000 ke-

kosongan tenaga kerja dalam bidang itu.

Beliau berkata, akademi itu akan diletak di bawah penyelaras CyberSecurity Malaysia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir keselamatan siber yang mendesak dalam kalan-

gan syarikat semikonduktor dan ber-

asaskan elektronik.

"Penubuhan ini penting kerana banyak universiti menawarkan khusus sama dari segi akreditasi tetapi akademi ini adalah sebuah badan yang menyelaraskan bentuk-bentuk kursus yang diadakan," jelasnya.

Beliau juga berkata, MTVET ber-setuju elemen TVET akan diterap dalam modul Program Latihan Khidmat Negara sebagai pendekatan menyebar luas potensi dan bidang kerjaya berteraskan TVET kepada peserta. - Bernama

Penuntut IPT disaran tingkat kesedaran keselamatan, kesihatan pekerjaan

DUNGUN - Penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) disaran terus meningkatkan kesedaran kendiri mengenai isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud berkata, perkara itu penting kerana sebaik sahaja melangkah ke alam pekerjaan mereka seharusnya boleh terus mengaplikasikan pengetahuan yang ada bagi mengurangkan risiko kemalangan industri.

"Menurut statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebanyak 41,278 kemalangan berkaitan kerja direkodkan hingga Jun 2024. Sebanyak 52.1 peratus atau 21,503 kes yang dilaporkan adalah kemalangan industri manakala 19,770 kes berkaitan perjalanan ke tempat kerja."

"Oleh itu, kemalangan membabitkan dua perkara ini perlu diberikan kesedaran kepada pelajar kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin di sini pada Isnin.

Sementara itu, ditanya mengenai penglibatan komuniti pengajian tinggi dalam kegiatan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH), beliau berkata, setakat ini tiada laporan diterima pihaknya berkait perkara itu namun menegaskan KPT akan terus memantau rapat perkembangan kes berkenaan. - Bernama

Penuntut IPT disaran tingkat kesedaran keselamatan, kesihatan pekerjaan

DUNGUN - Penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) disaran terus meningkatkan kesedaran kendiri mengenai isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud berkata, perkara itu penting kerana sebaik sahaja melangkah ke alam pekerjaan mereka seharusnya boleh terus mengaplikasikan pengetahuan yang ada bagi mengurangkan risiko kemalangan industri.

"Menurut statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebanyak 41,278 kemalangan berkaitan kerja direkodkan hingga Jun 2024. Sebanyak 52.1 peratus atau 21,503 kes yang dilaporkan adalah kemalangan industri manakala 19,770 kes berkaitan perjalanan ke tempat kerja."

"Oleh itu, kemalangan membabitkan dua perkara ini perlu diberikan kesedaran kepada pelajar kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin di sini pada Isnin.

Sementara itu, ditanya mengenai penglibatan komuniti pengajian tinggi dalam kegiatan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH), beliau berkata, setakat ini tiada laporan diterima pihaknya berkait perkara itu namun menegaskan KPT akan terus memantau rapat perkembangan kes berkenaan. - Bernama



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akbar	Sinar Harian
Tarikh	24 September 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	19



HRD Corp menganjurkan acara modal insan terbesar di Asia Tenggara

NATIONAL Human Capital Conference and Exhibition (NHCCE) 2024 bakal menjadi medan perbincangan terbesar di Asia Tenggara yang akan mengupas peranan kecerdasan buatan (AI) di tempat kerja serta implikasinya terhadap masa depan pekerjaan dan tenaga kerja.

Dianjurkan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp), NHCCE 2024 akan meneliti cara menghadapi cabaran serta memanfaatkan peluang yang dibawakan oleh AI untuk tenaga kerja dan bakat di rantau ini.

HRD Corp dalam satu kenyataan menyatakan bahawa peserta akan berkongsi amalan terbaik mengenai peningkatan kemahiran dan latihan semula, agar terus kekal di hadapan dalam menghadapi revolusi AI yang meliputi pelbagai sektor.

HRD Corp turut menyatakan bahawa NHCCE 2024 akan membincangkan kerjasama antarabangsa dalam membangunkan penyelesaian AI yang mampu memperkuuh keupayaan manusia.

"Persidangan itu juga akan menekankan kepentingan menggalakkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan berdasarkan AI, yang berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan di seluruh rantau ini," jelas kenyataan tersebut, baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu, NHCCE 2024 akan diadakan pada 30 September hingga 2 Oktober depan di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

Menariknya, NHCCE kali ini akan menghimpunkan lebih 30 pemikir terkemuka dalam bidang modal insan, pengamal sumur manusia yang berpandangan jauh, serta pakar terkenal di peringkat dunia.



Peserta yang hadir pada NHCCE 2023 mendengar perbincangan oleh panelis jemputan.

i Daftarkan segera untuk hadir ke pameran modal insan terbesar Malaysia dengan pelbagai aktiviti menarik menerusi laman sesawang <https://form.venesia.com/NHCCE2024/visitor>.

Bertemakan Menginsangkan AI untuk Pekerja Masa Hadapan, NHCCE 2024 bermatlamat untuk meneliti bagaimana perkembangan pesat AI di peringkat global mampu mencipta kemajuan luar biasa dalam pembangunan modal insan.

"Persidangan ini juga berfungsi sebagai platform pembelajaran berdasarkan AI, yang mana pembantu maya memainkan peranan penting dalam memudahkan perkembangan kemahiran dan penguasaan pengetahuan. Ini membolehkan pekerja menyesuaikan diri dengan keperluan pekerjaan yang sentiasa berubah dan kekal kompetitif di pasaran kerja global."

"Tumpuan tema ini adalah pada kepentingan perbincangan global, yang menjadi pemicu utama kepada dialog dan inisiatif terkini dalam membentuk masa depan pekerjaan serta pembangunan bakat di peringkat antarabangsa," kata kenyataan itu.

Empat perkara utama

Menurut kenyataan itu, NHCCE 2024 secara spesifiknya akan menyentuh empat perkara utama iaitu perniagaan dan ekonomi; teknologi; sumber manusia, tempat kerja dan etika serta kepimpinan dan budaya.

NHCCE 2024 akan menampilkan Mehdi Hasan, seorang wartawan dan pengulus politik British-Amerika yang telah memenangi pelbagai anugerah.

Beliau pernah bekerjasama dengan saluran berita dan penerbitan terkemuka seperti The Guardian, Al Jazeera, Peacock, dan MSNBC, di-



mana beliau menjadi hos rancangan 'The Mehdi Hasan Show'.

NHCCE 2024 juga bakal membawakan penceramah antarabangsa seperti John Mattone yang merupakan pelopor Intelligent Leader (IL), sebuah sistem bimbingan yang memulakan, membina, dan menggerakkan pemimpin ke arah kepimpinan yang luar biasa menggunakan falsafah dan kaedah pertumbuhan yang transformatif dan berorientasi pada kepimpinan dan budaya.

Dr. Jack J Phillips, seorang pakar dalam bidang akauntabiliti, pengukuran dan penilaian serta Dr Justin Cohen, seorang penulis tersohor dan penceramah global.

Persidangan itu juga akan dikendalikan oleh beberapa moderator yang terkemuka seperti pembaca berita Astro Awani, Lugman Hariz dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Peneraju yang juga hos sensasi, Ibrahim Sani.

Selain perbincangan yang merangsang pemikiran, NHCCE 2024 juga akan menjadi tempat berlangsungnya salah satu pameran terbesar di Malaysia pada tahun ini.

Pameran yang akan berlangsung selama tiga hari ini dibuka kepada orang awam secara percuma, dijangka akan disertai lebih 300 pempamer terkemuka yang menyajikan trend terkini dalam model peningkatan kemahiran, teknologi baharu dan platform kesejahteraan yang akan menggalakkan pertumbuhan organisasi serta perkembangan individu.



DAFTAR SEKARANG!

[www.hrdcorp.gov.my](https://form.venesia.com/NHCCE2024/visitor)

Mereka yang berminat untuk menghadiri pameran tersebut boleh mendaftar di <https://form.venesia.com/NHCCE2024/visitor>.

"Pelbagai aktiviti menarik akan turut diadakan seperti sesi pocket talk yang akan disampaikan oleh pakar-pakar industri dan selebriti terkenal tanah air seperti Lah Ahmad dan Ally Iskandar; padanan perniagaan atau business matching; pameran kerjaya; kaunter khidmat nasihat serta produk HRD Corp dan pelbagai aktiviti lain," katanya lagi.

Pada tahun lalu, pengajuran persidangan tersebut berjaya menarik lebih 2,000 delegasi dari seluruh rantau Asia Tenggara.

Pembelian pas masuk bagi NHCCE 2024 telah dibuka yang mana pas standard berharga RM3,200 manakala pas kumpulan boleh didapati pada harga RM2,900 setiap seorang dengan syarat sekurang-kurangnya lima peserta.

Bagi penjawat awam, mereka hanya dikenakan RM2,500 bagi pas kerajaan manakala pas pelajar berharga RM700.

Bagi pas NHCCE untuk peserta antarabangsa pula dikenakan sebanyak USD1,200 (RM5,198) manakala pas kumpulan pada USD 900 (RM3,898).

Daftarkan segera untuk menyertai NHCCE 2024 dengan melayari laman sesawang www.hrdcorp.gov.my/nhce atau emel nhce@hrdcorp.gov.my atau menghubungi talian 03-76616255.

Orang ramai juga boleh mengikuti platform media sosial HRD Corp untuk mendapatkan diskau istimewa dari semasa ke semasa.

26,000 diperlukan untuk penuhi keperluan industri

Negara kurang pekerja mahir keselamatan siber

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA — Negara kekurangan 26,000 tenaga kerja mahir dalam bidang keselamatan siber yang menjadi keperluan industri selain menangani cabaran keselamatan masa kini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, susulan itu, kerajaan bersetuju mewujudkan Akademi Keselamatan Siber bagi menawarkan kursus berdasarkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) berkaitan bidang itu.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET negara berkata, pengambilan pelajar akademi itu akan dilaksanakan bagi kemasukan tahun ini selepas perbincangan dengan Kementerian Digital untuk menyegerakan penyediaan kursus berkaitan di bawah penyalaran CyberSecurity.

"Kursus-kursus hendaklah disegerakan kerana keperluannya amat mendesak dalam kalangan syarikat semikonduktor dan syarikat berdasarkan elektronik.

"Jadi penubuhan akademi ini amat penting walaupun banyak universiti menawarkan kursus yang sama dari segi akreditasi, tetapi akademi ini adalah sebuah badan yang menyelaraskan bentuk kursus yang diadakan.

"Ini merupakan kursus TVET bernilai tinggi dan ini sangat diperlukan kerana terdapat kosongan lebih 26,000 dalam bidang keselamatan siber," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) di sini semalam.



AHMAD ZAHID berucap selepas mempengerusikan Mesyuarat MTVET di Putrajaya semalam.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, kemasukan ke institusi TVET mengalami kenaikan sehingga 163 peratus selepas kerajaan melaksanakan pemusatan tawaran ke institusi TVET.

Katanya, walaupun kenaikan kemasukan cukup tinggi, tetapi mesyuarat memutuskan penyebarluasan maklumat mengenai kursus ditawarkan kepada bakal peserta TVET perlu dilakukan bukan hanya melalui media sosial, tetapi media perdana serta perlu turun ke akar umbi.

Ini kerana katanya, didapati ramai yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tetapi tidak

cukup syarat sekurang-kurangnya tiga subjek lulus yang tidak boleh melanjutkan pelajaran.

"Mereka boleh menyertai kursus dalam bidang TVET yang kita telah sesuaikan menjadi kursus diperlukan oleh pihak majikan.

"Kita turut memutuskan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) untuk mengiktiraf lepasan dari Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 6, 7 dan 8 itu sama dengan kelulusan bagi memasuki universiti.

"Ertinya SKM 8 sama dengan ijazah pertama dan mereka yang berada dalam tahap SKM 8, selain ijazah pertama, akan diberikan gelaran Ts," katanya.

PREMIUM WAGE

TVET grads' salary set between RM2,500 and RM4,000 by council

PUTRAJAYA: The National Technical and Vocational Education and Training Council (MTVET) agreed to set the premium salary for TVET graduates above the minimum wage, between RM2,500 and RM4,000.

At present, the minimum wage set by the government is RM1,500.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the decision was aimed to attract more TVET graduates to work in related sectors.

"I wish to clarify that this (premium salary) is not based on employers' associations or factory associations. It is between the TVET institutions and the companies themselves," he said at the 3rd MTVET meeting and engagement session between 66 government-linked companies and private companies with 12 TVET-related ministries yesterday.

He said the matter was agreed upon during the meeting, which was attended by representatives

from the government-linked companies, government-linked investment companies and the private sector.

On a related matter, Zahid said there had been a significant increase in offers for students to pursue their studies at TVET institutions in the country, with a rise of 163 per cent compared with last year.

Although the increase was significant, Zahid said the meeting yesterday decided that the dissemination of information about courses offered to prospective TVET participants should be done not only through social media but also mainstream media.

This is to inform students with Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) qualifications who do not meet the three-credit requirement that there is still hope for them to pursue tertiary education.

"They (SPM leavers) can participate in the TVET courses tailored to meet the needs of employers," he said.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	The Star
Tarikh	24 September 2024
Ruang	Nation
Muka Surat	2

THE
Star
the people's paper

Reports by CHARLES RAMENDRAN, BENJAMIN LEE and RAGANANTHINI VETHASALAM

Fortifying digital defence

New cybersecurity academy to harness TVET

PUTRAJAYA: With cybersecurity becoming a major threat in the world, technical and vocational education and training (TVET) institutions will be strengthened to produce more experts in the field.

The salaries of these graduates will also be raised to make the field more attractive to youths, says Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

He said there are about 26,000 job vacancies in the cybersecurity field.

To meet this growing demand for talent, the government has approved the formation of a new cybersecurity academy.

The academy will be managed by Cybersecurity Malaysia in collaboration with other TVET institutions, Ahmad Zahid said.

"The boom in digital technology is a catalyst to economic growth. But there is a need to enhance our talents in the cybersecurity field."

"Cybersecurity Malaysia and TVET institutions will develop this expertise in the local workforce through a structured programme."

"We have agreed on establishing the cybersecurity academy for this purpose," he said after a National TVET Council (MTVET) meeting here.

The MTVET chairman said the meeting also discussed the mechanism of utilising the additional funding of RM200mil approved by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim in June to boost youth participation in TVET fields.

He said the funds would be used for training in fields such as cybersecurity, artificial intelli-



New workforce wave: Ahmad Zahid (centre) chairing a National TVET Council in Putrajaya. — Bernama

gence, electric vehicles, electronic technology and wafer fabrication.

Ahmad Zahid said the soon-to-be-revived National Service Training Programme (PLKN) will also have an added feature in its modules incorporating basic TVET programmes.

"These basic courses will be DIY (do-it-yourself) programmes in plumbing, air-conditioning or electrical appliance repair," he said, adding that there is also a dire need for skilled talent in the semi-conductor and electronics industry.

TVET institutions could implement the PLKN modules for their students.

Ahmad Zahid said that to encourage participation in the

training programmes, government-linked companies and several private companies have agreed to offer TVET graduates premium salaries of between RM2,500 and RM4,000 – above the country's minimum wage of RM1,500.

However, he said the salaries of the graduates will be determined by their achievement in the Malaysian Skill Certificate (SKM).

Ahmad Zahid said that after discussions with the Malaysia Board of Technologists (MBOT), it was decided that TVET graduates with SKM levels 6, 7 and 8 would be equivalent to tertiary education, with SKM level 8 being considered a bachelor's degree and the holder will be offered the title

of technologist.

He said it was also decided that SKM level 1 and 2 would be equal to the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), and SKM level 3, 4 and 5, the equivalent of a diploma.

Those with SKM level 5 will be allowed to apply for university places even without an SPM.

"There are five universities that will accept them, namely UniKL, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknikal Melaka, Universiti Malaysia Pahang and Universiti Malaysia Perlis."

Ahmad Zahid said similarly, students from tahfiz schools would also be offered places in universities using relevant academic certificates issued by Jakim.

Skills must match premium pay, say experts

PETALING JAYA: While premium wages could get more school leavers to enrol in technical and vocational education and training (TVET) courses, such graduates must be marketable and able to meet industry needs, say stakeholders.

They were responding to Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi's announcement yesterday that the National TVET Council had decided on premium wages for TVET graduates.

National Association of Human Resources Malaysia president Zarina Ismail commended the move, saying it was a good first step to get more youth to opt for TVET.

"We have highlighted this issue for years and it is good to see that the government has finally addressed it."

Youth will naturally favour high-salary jobs, especially if they are made aware of how marketable TVET's lifelong skills can be for their future prospects.

"Having the minimum wage at RM2,500 would also provide TVET graduates with a guarantee that their starting salaries would at least be enough to support themselves," she said.

Zarina, however, called for a new regulatory body to be set up to ensure that TVET students were able to practise what they learned in a real job setting before graduating.

"Pushing for more youth to join TVET is good but there is little point if the graduates produced are of low quality or can't practise what they learnt in a real-world setting," she said.

> TURN TO PAGE 4



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	The Star
Tarikh	24 September 2024
Ruang	Nation
Muka Surat	4

THE
Star
the people's paper

Calls to address cost of living

M'sians want issues like better wages discussed in Budget 2025



By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The cost of living and the need for better wages remain a pressing concern for most Malaysians as they look ahead to Budget 2025.

Sales consultant SR Puventhiran, 24, recently graduated from a private college and is now struggling to make ends meet with a take-home pay of a little over RM2,000.

"Sometimes, even getting food for the day is a burden, especially for those living in cities," he said.

While Puventhiran acknowledged the government's efforts to reduce living costs, he said prices of essential goods and housing



Concerned citizens: (From left) Wong, Mohd Noor and Puventhiran.

and education, combined with stagnant wages, were placing a significant financial strain on lower and middle-income households.

He said he hoped the government could introduce cash aid, especially for singles and fresh graduates.

Puventhiran also said the education system should be improved by revamping outdated

teaching methods.

Pensioner Mohd Noor Ahmad, 62, expressed concern that rising food prices might be a result of trader manipulation.

He urged the government to enhance price-monitoring and enforcement when it comes to essential goods.

"The issue of expensive food items and traders inflating raw material prices must be addressed

in Budget 2025.

"We don't want our inflation rate to skyrocket," he said.

Public servant Wong Sook Shyan, 41, called for Budget 2025 to focus on the needs of working mothers.

She said better and cheaper daycare options were crucial to help her balance work and her childcare responsibilities.

"Many women now work and finding a quality and trusted daycare centre is tough for us."

"So, it would be good if the government can include this as one of the main items in Budget 2025," she added.

Budget 2025 is set to be presented on Oct 18.

Government spokesman Fahmi Fadzil had said this would mark the third budget tabled by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who also serves as Finance Minister, since assuming office after the 15th General Election in 2022.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	The Star
Tarikh	24 September 2024
Ruang	Nation
Muka Surat	4

TVET grads must have global quality, marketability

> FROM PAGE 2

“The body must implement a mandatory final practical exam based on international standards that tests a student’s ability to apply knowledge in their prospective fields to real-world scenarios.

“This would ensure all TVET graduates are of both global quality and marketability to match the demanding standards that most modern job listings require.

“This would not only make it easier for them to find a job but also help to develop Malaysia’s image as a hub for quality skilled graduates globally,” Zarina added.

Newly-appointed National TVET Council member Mohammad Rizan Hassan agreed that quality and standards were important.

“The quality assurance provided by TVET institutions plays an important role in ensuring that these graduates are equipped with the skills required to secure high-paying jobs in today’s competitive market.

“Employers are constantly seeking well-trained employees who can contribute to their organisation effectively,” said Rizan, who is also the National Association of Skilled Workers secretary-general.

To ensure TVET institutions provide quality training, he said the curriculum must be tailored to industry needs and include experienced trainers, updated facilities and knowledge transfer.

“These measures will ensure that TVET graduates are always ready to fulfil the needs of industries, which also comes with the potential of a high-paying job,” he said, adding that this would result in a win-win situation for both the industry and graduates.

Rizan said premium wages would also address the shortage of skilled workers and motivate more to enrol in TVET courses.